

DARI ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1981

TAIF, 27 JAN. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENIMBULKAN APA YANG DIANGGAPNYA SEBAGAI KELEMAHAN-KELEMAHAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM TERMASUK KERJASAMA EKONOMI YANG TIDAK BEGITU BERKESAN SESAMA MEREKA.

BELIAU MENGGESA MEREKA BERHADAPAN DENGAN FAKTA-FAKTA DAN BERSIKAP LEBIH PRAKTIKAL JIKA MEREKA INGIN MENGATASI MASALAH-MASALAH DAN KEGAGALAN-KEGAGALAN DAN MEMBUAT KEMAJUAN DI BIDANG-BIDANG TERTENTU.

BERUCAP DI SIDANG KEMUNCAK ISLAM YANG KE-TIGA DI SINI, TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU MENGINGATKAN PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA ISLAM DI DUNIA SUPAYA JANGAN MELUPAKAN BAHAWA LEBIH DARI 900 JUTA UMAT ISLAM MENARUH HARAPAN KEPADA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYEBUT TENTANG KURANGNYA RANGKAKERJA YANG BERKESAN BAGI KERJASAMA EKONOMI YANG LEBIH BERMAKNA SESAMA ANGGOTA-ANGGOTA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (PPI) DAN PERTELENGKAHAN BERTERUSAN DI KALANGAN BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM.

BELIAU JUGA MENYENTUH TENTANG LAIN-LAIN KELEMAHAN EKONOMI DAN POLITIK DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

KATANYA TERDAPAT +BERATUS-RATUS CARA+ KERJASAMA EKONOMI DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM.

— BERSAMBUNG 2003/SZ

3619

KEMUNCAK-MAHATHIR 2 TAIF

BAGAIMANAPUN KEJAYAANNYA BERGANTUNG KEPADA CARA MANA NEGARA-NEGARA ISLAM BERSEEDIA BERUSAHA MENJAYAKAN MATLAMAT ITU.

+BERCAKAP MENGENAI PERSAUDARAAN ISLAM ADALAH TIDAK MEMADAI. KERJASAMA EKONOMI BUKANLAH PERCUMA. KEDUA-DUA BELAH PIHAK MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB KERANA DALAM KERJASAMA EKONOMI FAEDAH BERSAMA ADALAH MERUPAKAN ASAS SEBENAR+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA PENUBUHAN PPI ADALAH SAMA PENTINGNYA BAGI KERJASAMA EKONOMI SEPERTI PERPADUAN ISLAM DAN BAHAWA

WALAUPI KEMAJUAN TELAH DICAPAI, PARA PEMIMPIN ISLAM JANGANLAH +KHAYAL+ DENGAN MENGANGGAP BANYAK KEMAJUAN TELAH DICAPAI.

KEMAJUAN KERJASAMA EKONOMI YANG DICAPAI SELAMA INI CUMA MERUPAKAN +SETITIK AIR DI LAUT+ BERBANDING DENGAN JUMLAH PELABURAN EKONOMI DI LAIN-LAIN NEGARA OLEH NEGARA-NEGARA ISLAM.

+WANG DARI NEGARA-NEGARA ISLAMLAH YANG MENYOKONG INDUSTRI-INDUSTRI EROPAH DAN AMERIKA YANG MENYEBABKAN KENAIKAN HARGA DAN TEKANAN EKONOMI YANG TIDAK PERLU SAYA SEBUTKAN DISINI,+ KATANYA.

— BERSAMBUNG 20005/SZ

SAMBIL MENOLEH KE ARAH PENERUSI PERSIDANGAN AL-MALEK KHALED IBNI ABDUL AZIZ, BELIAU MENERUSKAN +KITA BOLEH MEMBUAT LEBIH BANYAK USUL TETAPI KITA TAHU SENDIRI IA TIDAK AKAN MEMBAWA KITA KE MANA-MANA.

+SIDANG PPI YANG AKAN DATANG JUGA MUNGKIN MERUPAKAN SATU PENGULANGAN ATAU PENGAKUAN TERHADAP KEGAGALAN MENCAPI MATLAMAT KITA.+

TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG MENGETUAI ROMBONGAN LIMA ORANG KE SIDANG KEMUNCAK ITU BERKATA, SATU LAGI KELEMAHAN BESAR UMAT ISLAM IALAH KEENGGAMAN MEREKA MENGHADAPI KESENGSARAAN PENGHIJRAHAN DAN MASALAH SERTA RISIKO-RISIKO YANG AKAN DIHADAPI.

DISEBABKAN SIKAP INI, NEGARA-NEGARA ISLAM TIDAK BOLEH LANGSUNG BERGANTUNG KEPADA UMAT ISLAM NEGARA-NEGARA LAIN UNTUK BEKERJA DALAM PANAS TERIK DAN MENYERTAI PEMBANGUNAN-PEMBANGUNAN MEREKA TETAPI TERPAKSA MENGAMBIL PEKERJA-PEKERJA BUKAN ISLAM DARI NEGARA-NEGARA SEJUK.

KATANYA, DENGAN DEMIKIAN, +KITA AKAN KEHILANGAN SEDIKIT DARI KEBEBASAN KITA KERANA KITA TIDAK DAPAT MENJALANKAN USAHA PEMBANGUNAN SENDIRI+ DAN APABILA KEADAAN INI BERTERUSAN+ KEMAHIRAN KITA BERKURANGAN DAN TERPAKSA BERGANTUNG DENGAN LEBIH BANYAK KEPADA ORANG LAIN.+

BELIAU MENYERU NEGARA-NEGARA ISLAM SUPAYA TERUS BERUSAHA BERDIKIRI SEBERAPA YANG BOLEH DAN MALAYSIA PULA SANGGUP MENOLONG MENGANJUR DAN MENYEDIAKAN LATIHAN-LATIHAN PERLU. — BERSAMBUNG 2015/SZ

B621

KEMUNCAK-MAHATHIR 4 TAIF

MENGENAI PERPADUAN ISLAM, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERBEZAAN PENDAPAT DAN PANDANGAN TELAH DIBENARKAN MENGGUGAT PERPADUAN DAN KERJASAMA ISLAM.

+KITA JUGA TELAH MEMBENARKAN PERBEZAAN-PERBEZAAN KITA DIGUNAKAN MALAH SEHINGGA APABILA SAUDARA-SAUDARA KITA DILANDA DAN NEGARA-NEGARA MEREKA DICEROBOHI, KITA MASIH TIDAK DAPAT MENCAPI PERSETUJUAN UNTUK MEMBINA SATU BARISAN YANG BERSEPADU.+

+DAN KINI KITA MENDAPATI BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA KITA BERKONFRONTASI SECARA TERBUKA DAN MALAH BERPERANG ANTARA SATU DENGAN LAIN,+ KATANYA. UCAPAN ITU DENGAN JELAS DIMAKSUDKAN MENGENAI PERTIKAIAN IRAN-IRAQ.

KATANYA PERTIKAIAN ITU ADALAH PUNCA KEGELISAHAN DAN KESEDIHAN BAGI SETIAP UMAT ISLAM.

INI ADALAH LEBIH-LEBIH LAGI KERANA PERTIKAIAN ITU MERUPAKAN TAMBAHAN TERBAHARU KEPADA BEBERAPA KRISIS YANG SEDIA UJUD YANG DIHADAPI OLEH UMAT ISLAM SEPERTI ISU-ISU BAITUL MUKADDIS, PALESTIN DAN AFGHANISTAN.

BELIAU MENGINGATKAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT BAHAWA APA YANG PENTING IALAH PERPADUAN ISLAM DAN KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM SELURUHNYA. — BERSAMBUNG 2025/SZ

KEMUNCAK-MAHATHIR 5 TAIF

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN JIKA PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT TIDAK DAPAT BERDAMAI, MEREKA HENDAKLAH MENERIMA SATU FORMULA YANG DIGARISKAN OLEH PIHAK KETIGA.

DALAM HUBUNGAN INI, BAGI UMAT ISLAM ADALAH TIDAK DAPAT DIRAGUKAN LAGI BAHAWA PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM (PPI) ADALAH PIHAK KETIGA YANG PALING SESUAI.

BELIAU BERIKRAR KESANGGUPAN MALAYSIA UNTUK BERGABUNG TENAGA MEMBANTU USAHA-USAHA MENCAPAI PENGHENTIAN PERTIKAIAN ITU DENGAN CARA YANG PALING ADIL.

MENGENAI MASALAH PALESTIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH SEDIH MENDAPATI BAHAWA NASIB RAKYAT PALESTIN MASIH BELUM DAPAT DIATASI SEJAK BERTAHUN-TAHUN.

BELIAU MENYERU SEMUA ORANG YANG INGIN MUHIBBAH SUPAYA MENGECAM PENGANIAYAAN BERAMAI-RAMAI OLEH PIHAK ZIONIS YANG INKINKAN SIMPATI DUNIA +KETIKA MEREKA DIANIAYA TETAPI TIDAK UBAH SEPERTI ORANG-ORANG YANG PERNAH MENGANIAYA MEREKA APABILA MEREKA BERKUASA PULA+. — BERSAMBUNG 2040/1B

KEMUNCAK-MAHATHIR 6 TAIF

MENGENAI PERJUANGAN RAKYAT AFGHANISTAN UNTUK MEMBEBASKAN NEGARA MEREKA DARI PENCEROBOHAN TENTERA SOVIET, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG DIPERLUKAN OLEH PEJUANG-PEJUANG INI BUKANLAH WANG TETAPI SENJATA YANG NEGARA-NEGARA ISLAM TIDAK MAMPU MEMBEKALNYA KERANA MEREKA SENDIRI BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN UNTUK MENDAPAT BEKALAN.

BELIAU KESAL BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM MALAH TIDAK LANGSUNG MENYATAKAN SIMPATI MEREKA KEPADA RAKYAT AFGHANISTAN KERANA MEREKA BERGANTUNG KEPADA NEGARA PENCEROBOH BAGI SOKONGAN TENTERA. —
BERNAMA 2045/1B

06